

03 OCT 2001

MAHATHIR-BUMIPUTERA

DR MAHATHIR SELAR BUMIPUTERA YANG AMBIL KEUNTUNGAN SINGKAT

PETALING JAYA, 3 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyelar golongan Bumiputera yang mengambil keuntungan singkat dengan menjual permit AP kenderaan yang diberikan oleh kerajaan kepada bukan Bumiputera.

Permit AP diperlukan apabila pengimport kenderaan ingin membawa masuk kenderaan ke dalam negara.

"Kita kecewa walaupun kita beri banyak peluang, ramai Bumiputera yang sia-siakan peluang ini," tegas Perdana Menteri.

Beliau berkata ramai Bumiputera yang telah diberi peluang sama ada untuk menjual kereta baru, kereta terpakai dan yang telah diubahsuai dengan pemberian AP tetapi telah menjualkannya kepada orang lain termasuk bukan Bumiputera.

Tindakan sedemikian telah menggagalkan usaha kerajaan untuk mewujudkan lebih ramai Bumiputera untuk terlibat dalam perniagaan dan keusahawanan, kata Dr Mahathir ketika merasmikan kereta pertama Kia Spectra yang dipasang siap di Malaysia di sini hari ini.

Kejayaan usaha itu ialah hasil kerjasama Naza Kia Sdn Bhd dan Kia Motors Corporation.

Sambil memuji sikap pengarah urusan Naza Group of Companies, Tan Sri SM Nasimuddin SM Amin yang berani dan bersungguh-sungguh dalam menjalankan perniagaan automobilnya, beliau berharap Bumiputera yang lain akan mencontohi kejayaan itu.

"Beliau (Nasimuddin) bukan sahaja tidak menjual AP pada sesiapa malah membeli AP dari Bumiputera yang lain," katanya.

Dalam usaha mewujudkan peniaga Bumiputera di bandar-bandar baru, Perdana Menteri berkata kerajaan akan terus melaksanakan skim Projek Usahawan Bumiputera Dalam Perdagangan Sektor Peruncitan (Prosper).

Katanya, pada masa ini kerajaan menghadapi masalah tiadanya peniaga Bumiputera di bandar-bandar baru muncul.

"Kita sudah adakan projek Prosper untuk Bumiputera menjalankan perniagaan runcit supaya tempat-tempat baru lebih mencerminkan perpaduan kaum," kata beliau.

-- BERNAMA

NZ LES MKO NHD